

## **SYARAT-SYARAT KELULUSAN PENDAFTARAN**

### **1. Syarat Am**

- 1.1. Kelulusan ini diberi berdasarkan maklumat-maklumat yang telah dikemukakan oleh syarikat.
- 1.2. Sebarang perubahan ke atas maklumat-maklumat tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan (PUKONSA) dalam 21 hari dari tarikh perubahan tersebut berlaku.
- 1.3. Syarikat hendaklah mengemukakan segala maklumat dalam tempoh yang ditetapkan apabila diminta oleh pejabat PUKONSA. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan tindakan seperti di para (6.1.) di bawah.
- 1.4. Pegawai-pegawai syarikat yang dinyatakan dalam sijil ini adalah wakil-wakil yang ditauliahkan untuk menandatangani semua dokumen kontrak syarikat dan mengambil atau membeli borang-borang tawaran.

### **2. Bayaran Pendaftaran**

- 2.1. Bayaran memproses (Pendaftaran Baru) bagi Kelas A, B dan C ialah RM100.00 dan RM50.00 bagi Kelas D, E, F dan Bekalan/Perkhidmatan.
- 2.2. Bayaran pendaftaran kontraktor ialah Kelas A - RM5,000.00; Kelas B - RM3,000.00; Kelas C - RM800.00; Kelas D - RM400.00; Kelas E - RM200.00; Kelas F - RM100.00 dan Bekalan/Perkhidmatan - RM500.00 (Sah untuk Dua (2) Tahun).
- 2.3. Tambahan bidang/bidang kecil/tajuk/tajuk kecil untuk Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan - RM30.00 setiap satu.

### **3. Pembaharuan Pendaftaran**

- 3.1. Syarikat hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan pendaftaran tiga (3) bulan sebelum tarikh luput pendaftaran.
- 3.2. Bayaran bagi pembaharuan pendaftaran ialah setengah (50%) daripada pendaftaran baru.
- 3.3. Permohonan pembaharuan yang diterima enam (6) bulan selepas tarikh luput pendaftaran adalah dianggap sebagai permohonan baru dan dikenakan bayaran memproses dan bayaran pendaftaran sepenuhnya.
- 3.4. Untuk permohonan kenaikan kelas, bayaran pendaftarannya adalah seperti 2.2. di atas.

### **4. Tindakan Tatatertib Akan Dikenakan Ke Atas Syarikat Yang:**

- 4.1. Gagal melaksanakan kerja yang diberikan.
- 4.2. Menerima 'garnishment order' dan tindakan muflis.
- 4.3. Mengsub-kontrak kerja kepada kontraktor lain tanpa kebenaran dari pihak berkuasa.
- 4.4. Menolak tawaran yang telah disetuju-terima.
- 4.5. Memasuki/menerima tawaran semasa di dalam penahanan/penggantungan pendaftaran.
- 4.6. Tidak dapat dikesan melalui alamat terakhir.

### **5. Hukuman-hukuman Berikut Boleh Dikenakan Ke Atas Syarikat**

- 5.1. Amaran.
- 5.2. Ditahan memasuki tawaran.
- 5.3. Digantung pendaftaran.
- 5.4. Dibatal tajuk/tajuk kecil.
- 5.5. Diturunkan kelas.
- 5.6. Batal Pendaftaran.

### **6. Pembatalan Pendaftaran**

- 6.1. Pejabat PUKONSA berhak membatalkan atau menggantung pendaftaran syarikat tanpa notis jika didapati maklumat yang diberikan tidak benar atau gagal mengemukakan maklumat yang dikehendaki dalam tempoh yang ditetapkan.
- 6.2. Pendaftaran ini akan dibatalkan sekiranya:
  - 6.2.1. Ahli Lembaga Pengarah/Pemilik saham memiliki saham di dalam mana-mana syarikat yang berdaftar dengan PUKONSA dalam bidang kerja atau tajuk kerja yang sama.
  - 6.2.2. Ahli Pengurusan syarikat atau kakitangan yang berkelulusan teknikal terlibat secara aktif dalam mana-mana Syarikat yang berdaftar dengan PUKONSA dalam bidang kerja/tajuk yang sama.